

Langkah kawalan Malaysia berkesan

BH-15/2/2020 M/d:2

PM harap
kerjasama rakyat
banteras, lindungi
negara daripada
penularan virus

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
dan Sophia Ahmad
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia melaksanakan langkah kawalan yang berkesan bagi mengekang penularan COVID-19 setakat ini, malah sudah bersedia dari peringkat awal lagi untuk menangani ancaman virus berkenaan.

“Kita berjaga-jaga dari awal, kita memeriksa mereka yang datang ke Malaysia, terutama dari China dan kalau kita sangka mereka membawa virus itu, kita kuarantin mereka selama 14 hari. Orang kita di Wuhan yang dibawa balik juga dikuarantin 14 hari.

“Dengan cara ini, kita bernasib baik kerana ada 19 kes sahaja (COVID-19) dan kebanyakannya warga China. Setakat ini, (usaha kita) berkesan, saya berharap kerjasama orang ramai dapat membanteras dan melindungi negara daripada penyakit,” kata Perdana Menteri.

Bercakap pada sidang media selepas Majlis Pecah Tanah Fasa

2 Villa Sirehan dan lawatan ke tapak projek 1: Rebungan Resort Langkawi di Ulu Melaka semalam, Dr Mahathir berkata, Malaysia menzahirkan simpati kepada China atas penularan COVID-19 yang sudah mengorbankan lebih 1,000 nyawa rakyat negara itu.

Katanya, beliau menyatakan perkara itu dalam perbualan telefon dengan Presiden China, peyang kelmarin dan berterima kasih kerana Xi Jinping jelas mengambil berat serta mengambil tindakan luar biasa untuk membanteras penularan penyakit terbabit.

“Saya fikir dia (Jinping) mem-

 **Kita berjaga-jaga dari awal, kita memeriksa mereka yang datang ke Malaysia, terutama dari China dan kalau kita sangka mereka membawa virus itu, kita kuarantin mereka selama 14 hari. Orang kita di Wuhan yang dibawa balik juga dikuarantin 14 hari.**

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

buat apa yang mungkin dilakukan dan kita berterima kasih. Dia juga tolong kita membawa balik rakyat Malaysia yang berada di sana,” katanya.

Sementara itu, Kementerian Luar dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan Dr Mahathir dan Jinping bersetuju supaya Malaysia dan China mempertingkatkan usaha serta menjalinkan kerjasama lebih rapat ke arah menangani jangkitan COVID-19.

Dalam perbualan lebih setengah jam di antara kedua-dua pemimpin, Perdana Menteri dan Presiden China menyatakan komitmen masing-masing untuk satu pakatan bersama yang dilaksanakan ASEAN dan China demi memastikan situasi terus terkawal.

“Dr Mahathir dalam perbualan berkenaan berkata, Malaysia sentiasa menyokong China dan yakin dengan segala tindakan diambil negara terbabit untuk mengawal penularan COVID-19.

“China melahirkan penghargaan atas pendirian Malaysia berhubung isu ini dan memberi jaminan, kekuatan mereka adalah mencukupi dalam memengaruhi COVID-19. Mereka juga berjanji akan melindungi semua rakyat Malaysia dan negara lain yang kini berada di sana (China),” kata kenyataan itu lagi.

COVID-19 sehingga kini meragut hampir 1,500 nyawa dan diisytiharkan sebagai darurat kecemasan global oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).